

Melakar Masa Depan Jawi: Kelestarian Nilai Tradisi dan Pemeraksanaan Ilmu di Peringkat IPT

Envisioning the Future of Jawi: Sustaining Traditional Values And Empowering Knowledge in Higher Education

Nik Sofwatul Izzah Ishak^{a*}, Asyraf Isyraqi Jamil^b, Mohd Roslan Mohd Nor^a, Muhamad Nasir Mohamad Salleh^a

^aAcademy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

^bFaculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

*Corresponding author: 17126098@siswa.um.edu.my

Article history

Received: 2026-04-02 Received in revised form: 2026-06-12 Accepted: 2026-06-13 Published online: 2026-06-30

Abstract

Jawi is a national heritage asset rich in intellectual, historical and Malay-Islamic cultural values. Despite various initiatives implemented at the school level, the continuity of Jawi education in higher education institutions (HEIs) remains limited and receives insufficient attention. This study aims to explore the current status of Jawi within higher education and propose future strategies to elevate Jawi education in Malaysia HEIs. A qualitative approach was employed through semi-structured interviews with lecturers involved in Jawi teaching. The data analyzed using the constant comparative method and triangulated with document analysis. The finding reveals that the understanding of Jawi needs to be reframed beyond its perception as merely a script. Jawi education in HEIs is not fully integrated into the mainstream curriculum but it mostly offered as elective or minor courses. These findings underscore the need for reform in alternative teaching guidelines that are holistic, contextual, and responsive not only to preserve the Jawi heritage but also to adapt it to 21st-century learning requirements. The adoption of learner-centered andragogical approaches should be prioritized. This study proposes the development of a Jawi education model framework grounded in Islamic epistemology, andragogical principles and the strengthening of higher education policy. Such an initiative is deemed crucial to ensure the continued relevance of Jawi as a medium of heritage, thought and identity in the modern educational era.

Keywords: Jawi, Higher Education Institutions, and Teaching Curriculum

Abstrak

Jawi merupakan aset warisan bangsa yang kaya dengan nilai intelektual, sejarah dan budaya Melayu-Islam. Meskipun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di peringkat sekolah, kesinambungan pendidikan Jawi di institusi pengajian tinggi (IPT) masih terbatas dan kurang diberi perhatian. Kajian ini bertujuan untuk menelusuri kedudukan semasa Jawi dalam arus pendidikan tinggi dan mencadangkan strategik masa depan bagi memartabatkan pendidikan Jawi di IPT Malaysia. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah pengumpulan data seperti temu bual separa berstruktur bersama pensyarah yang terlibat dalam pengajaran Jawi. Data dianalisis secara constant comparative dan triangulasi dilakukan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa realiti terhadap kefahaman Jawi perlu diperbetulkan dan bukan sebatas tulisan. Pendidikan Jawi di IPT juga tidak disepadukan secara menyeluruh dalam kurikulum arus perdana dan lebih bersifat elektif atau minor. Penemuan ini menekankan keperluan kepada reformasi panduan pengajaran alternatif yang bersifat holistik, kontekstual dan responsif yang bukan sahaja mengekalkan warisan Jawi, tetapi juga menyesuaikan dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Penerapan pendekatan berpusatkan pelajar dewasa perlu diberi keutamaan. Kajian ini mencadangkan pembentukan kerangka model pendidikan Jawi yang berasaskan epistemologi Islam, prinsip andragogi serta pengukuhan dasar pendidikan tinggi. Inisiatif ini dilihat penting bagi menjamin kesinambungan Jawi terus relevan sebagai wahana warisan, pemikiran dan jati diri dalam era pendidikan moden.

Kata Kunci: Jawi, Institusi Pengajian Tinggi, dan Kurikulum Pengajaran

1.0 PENGENALAN

Jawi mempunyai hubungan erat dengan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu. Sejak sekian lama, para sejarawan mengemukakan pelbagai teori berhubung asal usul kedatangan Islam ke rantau ini, termasuk teori dari China, India dan Semenanjung Tanah Arab (Abdul Ghafar Don & Badlihsiam Mohd. Nasir, 2012; Khairul Azhar, 2019; Mahayudin Hj Yahaya, 2017a; Mohd Aizam Mas'od & Mohd Shairawi Mohd Noor, 2023). Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada kesepakatan muktamad mengenai tarikh sebenar Islam mula bertapak di Kepulauan Melayu (Mahayudin Hj Yahaya, 1995; Raihanah Azahari, 2004). Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa Islam sudah tiba di rantau ini seawal abad ke-7 masihi (Ab. Aziz Mohd Zin et al., 2006; Ahmad Nabil Amir, 2022; Hamka, 1977), sementara yang lain beranggapan kemasukan Islam berlaku sekitar abad ke-8 atau ke-9 M (Azam Hamzah, 1997; Mahayudin Hj Yahaya, 1995). Bahkan, ada juga yang meyakini bahawa Islam baru dibawa pada abad ke-13 M (Azam Hamzah, 1997; Mahayudin Hj Yahaya, 1995; Zulkiflee Haron, 2011), iaitu pada abad yang sama Kerajaan Melayu Kedah mula bertapak (Saimi Bujang e tal., 2022).

Sejajar dengan itu, tradisi penulisan telah mengalami transformasi yang besar apabila Jawi diperkenalkan seiring dengan penyebaran Islam. Pembudayaan ilmu yang berpaksikan pada pandangan alam Islam mula dipergiatkan dan Jawi memainkan peranan penting dalam kegiatan persuratan Melayu ini (Mashitah Sulaiman et al., 2021; Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2020; 1972). Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) mengatakan Batu Bersurat Terengganu adalah catatan terawal bagi Jawi yang bertarikh 22 Februari 1303 M. Penemuan prasasti ini merupakan sumber terpenting dan asas bagi mengetahui bentuk pengamalan undang-undang Islam yang telah dilaksanakan dalam institusi Melayu tradisi pada zaman silam dan merupakan karya perundangan pertama yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu Islam sendiri (Abdul Kadir Hj. Muhammad, 1996). Kendatipun tidak memiliki titik bagi membezakan antara huruf-huruf Jawi ini, catatan tersebut masih dapat dibaca dengan bersandarkan pada bentuk bahasa dan rumah-rumah huruf yang digunakan untuk perkataan itu (Abdul Aziz, 2012). Oleh demikian, kemahiran membaca Batu Bersurat Terengganu merupakan antara usaha Akademi Jawi Malaysia (AJM) dalam memartabatkan bentuk Jawi ketika zaman awal kedatangan Islam. Bentuk Jawi itu dinamakan Jawi tradisi kerana Jawi yang digunakan adalah Jawi sebagai suatu bahasa yang memiliki kerangka tradisi keilmuan bersalasilah daripada Bahasa Arab (Kang Kyoung Seok & Muhammad Syukri Rosli, 2015; Muhammad Syukri Rosli, 2017; Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022)

Walaupun bagaimanapun, perbincangan mengenai kepentingan Jawi dalam konteks semasa masih lagi diperdebatkan sehingga kini. Seiring dengan peredaran masa, penggunaan Jawi sebagai warisan bangsa Melayu semakin terhakis sedikit demi sedikit dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini berikutan banyak kajian menyebut tentang Jawi kian dipandang remeh (Azman Che Mat et al., 2021; Siti Nurul Izza Hashim et al., 2021; Mohd Zawawi Zainal Abidin & Norahida Mohamed, 2024; Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Pengisytiharan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu seperti mana termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah memberi implikasi yang besar kepada Jawi (Noraishah A. Rahman & Mohd Isa Hamzah, 2021; Asyraf Ridwan Ali & Berhanundin Abdullah, 2015; Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah, 2009; Musa & Abdul Aziz, 2009; Nahar et al., 2018). Natijahnya, masyarakat Melayu cenderung untuk melihat Rumi sebagai tulisan standard Bahasa Melayu, manakala Jawi pula dilihat sebagai tulisan sampingan dan tulisan warisan negara. Pengutamaan Rumi dalam sistem pendidikan mengakibatkan kelemahan terhadap literasi Jawi dalam kalangan pelajar dan masyarakat (Noraishah A. Rahman & Mohd Isa Hamzah, 2021; Ali & Abdullah, 2015; Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, 2009; Nik Yaacob, 2007).

Kajian lepas menunjukkan bahawa perhatian terhadap Jawi lebih memfokuskan di peringkat sekolah, sementara kajian tentang Jawi di institusi pengajian tinggi (IPT) masih kurang diterokai. Misalnya, kajian Nurul Faezatul Aini Norizal (2023) dalam tesis *The Use Of Interactive Books as New Media for Learning Jawi among Dyslexic Children*, kajian Abdul Hakim Md Mansor (2021) tentang *Pembelajaran Berasaskan Aplikasi Mudah Alih “Kelas Anak Jawi”* dan Amrina Rasyada Kamaruzaman (2020) dalam *Students' Performance In Al-Quran And Sunah Subject And It Relationship With Students' Achievement In Writing Jawi*. Penulisan tesis Siti Shafida Sharifuddin (2019) dan Siti Faizah Said (2019) yang memfokuskan pembelajaran Jawi secara kolaboratif dan penggunaan Augmented Reality (AR), juga membincangkan konteks Jawi di peringkat sekolah. Kesemua ini telah menumpukan perhatian kepada strategi pengajaran Jawi dan ini telah menunjukkan komitmen dalam memperkasa Jawi di peringkat awal pendidikan. Walau bagaimanapun, kajian Jawi secara mendalam di peringkat IPT masih terhad. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kajian sedia ada telah memfokuskan kepada penglibatan pelajar IPT dalam Jawi, iaitu *Persepsi Mahasiswa Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, ULAM Terhadap Tulisan Jawi* iaitu penulisan artikel (Aminuddin Saimon & Nur Hidayah Takmad, 2023). Oleh itu, meskipun pendidikan Jawi di peringkat sekolah telah mendapat perhatian yang baik dalam penyelidikan terdahulu, masih terdapat kelompangan dalam kajian Jawi di IPT yang memerlukan penerokaan yang lebih mendalam. Rentetan daripada itu, kajian ini dilakukan untuk menelusuri pendidikan Jawi dalam konteks institusi pengajian tinggi dan mencadangkan hala tuju serta strategi masa depan bagi memartabatkan pendidikan Jawi di universiti Malaysia.

1.1 Dasar kebangsaan terhadap pendidikan Jawi

1.1.1 Kedudukan Jawi dalam pendidikan formal

Keputusan untuk menjadikan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu telah diperakukan secara rasmi menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 (Zurina Abdullah & Adi Yasran, 2020) dan diperundangkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (Hashim Musa, 2005; Undang-undang Malaysia, 1963). Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia terus komited dalam mempertingkatkan penguasaan Jawi terutamanya bagi golongan muda. Pada tahun 1985, pihak kerajaan telah memulakan langkah dengan memperuntukkan waktu pengajaran Jawi dan mewajibkan tulisan Jawi itu diajar di sekolah rendah agama bermula di peringkat darjah tiga (Norhazliana Mohd Hasan Abdullah et al., 2010). Usaha ini diteruskan pada tahun 1992, apabila Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan elemen pelajaran Jawi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan menekankan kemahiran membaca dan menulis Jawi, namun hanya diajar dalam subjek Pendidikan Islam sahaja seperti mana disebut oleh Hashim Musa (2007) dalam Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah (2009). Lebih signifikan, pada tahun berikutnya, kerajaan memperkenalkan program Jawi-Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-Qaf) dengan objektif utamanya adalah untuk meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah (Abdul Hamid & Abdullah, 2009; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004; Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz, 2009). Mengikut surat pekeliling J-Qaf dari Kementerian Pendidikan Malaysia (2004), program j-Qaf akan mula dilaksanakan pada tahun 2005 yang akan melibatkan pelajar darjah satu di sekolah-sekolah rendah yang terpilih dan akan diikuti oleh sekolah-sekolah rendah lain secara berperingkat.

Seterusnya, KPM telah melakukan penambahbaikan dengan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2011 (Sariah Abd Jalil, 2015). Malah, KPM terus-menerus melaksanakan penambahbaikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2015 dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017. Hal ini agar selari dengan saranan Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Sebagai respons terhadap keperluan pengukuhan Jawi, Kementerian Pendidikan Malaysia memberi lebih penumpuan dan penekanan terhadap aspek membaca dan menulis Jawi berdasarkan DSKP KSSR Pendidikan Islam Semakan 2017. Dalam struktur ini, kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dibahagikan kepada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi (Sariah Abd Jalil, 2016). Dengan itu, Model Kelas Pemulihan Jawi ini telah ditukar dan dilaksanakan dalam bentuk kem dengan menggunakan Modul Kem Cemerlang Jawi (KCJ) (Mohd Sabri Ahmad et al., 2021). Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan telah memberi perhatian yang baik terhadap Pendidikan Jawi di peringkat sekolah rendah.

Komitmen KPM dalam memperkasakan Jawi turut diperlihatkan dalam *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah (2015)* yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan bahawa:

“Kemahiran bahasa yang dibangunkan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam adalah selaras dengan matlamat utama Pendidikan Islam, iaitu untuk membolehkan murid membaca dan menulis ayat atau teks menggunakan tulisan khat Jawi serta memupuk kecintaan terhadap Jawi sebagai warisan budaya”.

Dari segi sejarahnya, pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 merupakan kesinambungan kepada syor yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 Mengenai Pendidikan (Nadia Fatriyana Ahmad Narzaray & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, 2024). KBSM kemudiannya digantikan oleh Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) secara berperingkat mulai tahun 2017 (Sariah Abd Jalil, 2015). Analisis terhadap *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)* bagi KSSM Tingkatan 1 hingga 3 (2015) menunjukkan bahawa terdapat objektif yang jelas dalam kurikulum tersebut, iaitu untuk membolehkan pelajar membaca dan menulis dalam tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada usaha memelihara Jawi sebagai warisan budaya negara. Namun, DSKP bagi Tingkatan 4 dan 5 (2018) tidak lagi menyatakan objektif ini, sekali gus menunjukkan berlakunya peralihan fokus terhadap kedudukan tulisan Jawi dalam kurikulum peringkat menengah atas.

Ketiadaan objektif ini berpotensi membawa implikasi yang signifikan. Pengurangan tumpuan Jawi di peringkat menengah atas boleh menyebabkan berkurangnya pendedahan dalam kalangan pelajar sekolah, yang seterusnya menjejaskan tahap kemahiran membaca dan menulis mereka dalam Jawi. Dalam jangka masa panjang, keadaan ini boleh menyumbang kepada kemerosotan kefahaman, penghargaan dan komitmen pelajar terhadap pemeliharaan Jawi sebagai sebahagian daripada tradisi intelektual dan budaya Melayu-Islam.

1.1.2 Pendidikan Jawi di Peringkat IPT

Menelusuri Pendidikan Jawi di IPT pula, sorotan terhadap tesis dan disertasi yang berkaitan dijalankan. Hal ini kerana penulis tidak dapat mengenal pasti sejarah Jawi mula diperkenalkan di peringkat IPT. Misalnya, di Universiti Malaya (UM), sejarah penubuhan kursus Jawi di Universiti Malaya (UM) sukar untuk dijejaki dengan tepat. Namun demikian, aktiviti penyelidikan tentang Jawi di UM dapat dilihat telah berjalan sejak 1980-an lagi, dengan kajian *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu* oleh (Kang Kyoung Seok, 1986). Kemudian, beliau meneruskan pengajian beliau di peringkat Doktor Falsafah dengan skop kajian yang sama iaitu *Analisis Gaya Bahasa Melayu dan Sistem Tulisan Jawi berdasarkan beberapa manuskrip “Sejarah Melayu”* pada tahun 1991. Hal ini menunjukkan aktiviti penyelidikan tentang Jawi telah berlaku sekian lamanya, iaitu pada tahun 1986 dan terdapat pengkaji yang berminat untuk menjalankan kajian tentang Jawi. Bahkan, kajian Jawi ini semakin ramai orang memberi perhatian terhadapnya.

Seterusnya adalah Universiti Putra Malaysia (UPM) dan UPM adalah antara IPT yang menyediakan kursus Jawi. Pun begitu, UPM juga tidak dapat dikenalpasti bila kursus Jawi ini mula diajar. Walau bagaimanapun, penulisan akademik berbentuk tesis berkaitan dengan Jawi mula diberi perhatian pada 2000 dengan tajuk kajian *Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Pelajar UPM* oleh Aziah Ismail dan diteruskan oleh Tengku Mohd Affendi Zulcaffle (2007) bertajuk *Development of an Automated Technique for Reconstructing Jawi Characters in Historical Documents*. Selain itu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) antara IPT yang menyediakan kursus Jawi. Sama seperti UM dan juga UPM, sejarah perkembangan Jawi di UPSI juga tidak dapat dikenalpasti dengan tepat tarikh penubuhan kursus Jawi. Namun, menerusi kajian-kajian lepas dalam penulisan akademik tesis dapat dilihat Jawi mula diberi perhatian dalam kalangan pengkaji-pengkaji UPSI adalah sejak 2009 dengan kajian *Manuskrip Kesusasteraan Tradisional Melayu Sekitar 1600M-Telaah Sistem Tulisan Jawi dan Analisis Pemikiran Melayu Nusantara* oleh Ismail Abd Rahman (2009).

Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga, kajian terhadap Jawi dalam kalangan pengkaji berlaku sejak tahun 2014 oleh Nazimah Mohamad @ Mohd. Noor dengan kajian *Penggunaan Modul Pembelajaran Kemahiran Jawi*. Melihat pada kursus Jawi di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) pula, kursus Jawi telah diperkenalkan sejak tahun 2010. Menurut Azmi Ahmad, seorang pensyarah Jawi di USAS mengatakan bahawa kursus ini diwujudkan hasil daripada usulannya sendiri. Maklumat ini diperolehi menerusi sesi temu bual bersama beliau pada 2024. Di IPG pula, penulis tidak dapat mengenal pasti titik bermulanya sejarah Pendidikan Jawi kerana IPG tidak ada sistem khusus pencarian untuk mengakses tesis-tesis pelajar melainkan perlu mencarinya satu persatu tesis di perpustakaan IPG itu sendiri. Walau bagaimanapun, setakat pencarian penulis terdapat tesis terkini mengkaji tentang Jawi iaitu *Kit Permainan "Duowadah" Membantu Murid Mengenal dan Menyebut Huruf Jawi Tunggal* oleh Mohamad Erwan Alim (2019).

Kesemua dapatan ini, pengkaji perolehi daripada Laman Web MyTo iaitu *Malaysian Theses Online* untuk mencari tesis atau disertasi pengkaji-pengkaji lepas yang telah mengkaji secara mendalam berkaitan dengan Jawi. Inisiatif ini dibuat untuk menelusuri sejarah kursus Jawi di IPT. Walau bagaimanapun, dapat dilihat Jawi sudah mula mengambil tempat dalam aktiviti penyelidikan di IPT. Pencarian maklumat menerusi tesis dan disertasi adalah kerana terdapat kekangan dalam meneliti sejarah awal aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat IPT, kerana sumber itu sukar untuk diperolehi dan terdapat batasan masa dan juga etika yang perlu diambil kira. Rasional pemilihan IPT tersebut adalah berdasarkan kursus Jawi yang ditawarkan di IPT masing-masing pada masa kini.

Walaupun bagaimanapun, Jawi masih lagi luas penggunaannya dalam bidang pengajian Islam seperti Syariah, al-Quran Sunnah, Usuluddin, Akidah yang ditawarkan di universiti-universiti awam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), turut berlaku di institusi pendidikan kerajaan negeri dan swasta seluruh negara seperti Kolej Universiti Insaniah Kedah (KUIN) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) (Rasyidah Ibrahim et al., 2019). Kesimpulannya, melihat kepada kajian pengkaji-pengkaji lepas membuktikan bahawa kajian tentang Jawi di peringkat tinggi tidak terlalu banyak dibincangkan oleh para pengkaji kerana melihat kepentingan Jawi itu hanyalah di sekolah menengah semata-mata. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan kajian-kajian lepas dan meneroka secara mendalam tentang pendidikan Jawi di IPT.

Melihat pada kajian Makmur Haji Harun et al. (2012), penulis telah mengkaji berkenaan pengajaran Jawi secara langsung di IPT tempatan seperti UPSI, UKM, UM, UPM dan USM. Dapatan kajian menunjukkan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains

Malaysia (USM) tidak menawarkan sebarang kursus yang menjurus kepada pengajaran Jawi. Namun begitu, berdasarkan buku Panduan Pascasiswazah 2024/2025 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, manuskrip-manuskrip Melayu lama dan kitab Jawi seperti Kitab Tib dijadikan sebagai bacaan asas untuk Kursus SKMM2053 Kajian Manuskrip Melayu (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024a). Begitu juga, *Panduan Siswazah Sesi Akademik 2024-2025 Fakulti Pengajian Islam*, menggunakan buku *Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu* oleh Makmur harun, Firman dan Muhammad Yafri Yahya (2016) sebagai rujukan bagi kursus PPPC6533 Penyuntingan Manuskrip Melayu dan Arab (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024b). Seterusnya, penglibatan Jawi di USM dapat dilihat dengan aktiviti penyelidikan melalui bidang Pengajian Tamadun (kod HUM11) yang merangkumi pengkhususan Pengajian Manuskrip Melayu-jawi, tamadun Islam, Pendidikan Islam, Pemikiran Islam, Kajian Ketamadunan dan Kajian Kebudayaan disediakan (Universiti Sains Malaysia, 2025). Meskipun, elemen pembelajaran Jawi tidak diperincikan secara eksplisit dalam struktur kursus, pengkhususan-pengkhususan ini secara tidak langsung berkait rapat dengan Jawi dan ini kerana Jawi memainkan peranan utama dalam tamadun Melayu-Islam.

Di Universiti Malaya (UM) pula, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM) hanyalah menawarkan kursus Kajian Tulisan Jawi dalam teks sastera (Makmur Haji Harun et al., 2012). Maklumat terkini hasil perkongsian oleh salah seorang pensyarah daripada APM pada 2024, kursus ini masih diteruskan dengan nama kursus “Tulisan Jawi dalam Kesusasteraan Melayu” (Dr T, temu bual personal, 24 Januari, 2025) . Selain itu, semakan proforma pada buku Panduan Ijazah Dasar di APM bagi sesi 2024/ 2025 turut membuktikan bahawa terdapat kursus lain yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran Jawi iaitu “Sistem Ejaan Jawi” bagi pelajar sarjana muda Bahasa Melayu Profesional.

Sementara itu, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, di Akademi Pengajian Islam (API) hanya menawarkan kursus yang menyentuh Jawi secara tidak langsung melalui subjek berbentuk teori berkaitan seni Islam teori (Makmur Haji Harun et al., 2012). Manakala di UPM, terdapat kursus Jawi diajar melalui subjek Sistem Tulisan Jawi yang disediakan oleh Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), sebagaimana disahkan oleh timbalan dekan fakulti tersebut pada tahun 2025 (Dr A, temu bual personal, 4 Ogos, 2025). Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula, komitmen terhadap pengajaran Jawi terserlah melalui kewujudan kuliah “Warisan Jawi”, program minor Pengajian Jawi di Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) serta kursus “Tulisan Jawi” turut dibuka kepada pelajar luar dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (Makmur Haji Harun et al., 2012). Di samping itu, pengajaran “Seni Khat Jawi” dan “Aplikasi Komputer dalam Tulisan Jawi” juga didedahkan kepada para pelajar menerusi perkongsian salah seorang pensyarah di UPSI pada tahun 2025 (Dr M, temu bual personal, 16 Januari, 2025). Tuntasnya, kajian ini menunjukkan hanya sebahagian universiti sahaja mengambil inisiatif menyediakan kursus Jawi di peringkat IPT. Kesimpulannya, hanya sebahagian universiti sahaja mengambil inisiatif untuk menyediakan kursus Jawi di peringkat menara gading.

Walaupun terdapat IPT yang menawarkan kursus Jawi, namun ianya bersifat terasing, minor atau elektif. Seperti yang dinyatakan oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fatimah Sahida Abdurajak (2018), setiap program di peringkat institusi pengajian tinggi mempunyai reka bentuk kurikulumnya yang tersendiri, yang dibangunkan oleh panel pakar yang terpilih untuk mencapai matlamat program masing-masing. Meskipun dasar di peringkat rendah bersungguh-sungguh memartabatkan Jawi, namun jika tiada kesinambungan dasar pada peringkat pengajian tinggi, Jawi semakin dilihat tidak ada kepentingan di masa hadapan terutama dalam prospek kerjaya. Alangkah menariknya sekiranya pendidikan Jawi di IPT diperluaskan ilmunya yang tidak hanya sebatas kemahiran literasi Jawi baru semata-mata, tetapi juga pengetahuan Jawi yang lebih mendalam yang menjurus kepada tradisi keilmuan Jawi merangkumi bahasa, makna, pemikiran, sejarah serta sejarah

peradaban Melayu (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022; Muhammad Syukri Rosli, 2017). Oleh itu, usaha berterusan perlu dirancang untuk memelihara kedudukan Jawi di IPT (Zurina Abdullah & Adi Yasran Abdul Aziz, 2020).

2.0 METODOLOGI

2.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian di fasa analisis keperluan adalah kajian fenomenologi. Kajian fenomenologi lazimnya digunakan untuk memahami tentang sesuatu fenomena tertentu melalui sudut pandang individu yang terlibat (Lester, 1999). Reka bentuk ini membolehkan penulis meneroka pengalaman sebenar dan perspektif individu secara mendalam (Merriam, 2009; Qutoshi, 2018). Justeru, reka bentuk kajian fenomenologi mengutamakan faktor pengalaman dan pengetahuan pensyarah bagi menjawab persoalan kajian berkaitan gambaran semasa Pendidikan Jawi dan keperluan kepada satu panduan alternatif pengajaran Jawi. Pendekatan kajian pula adalah berbentuk kajian kualitatif bagi membantu penulis untuk mendapatkan kefahaman mendalam tentang fenomena yang dikaji (Creswell, 2009; Merriam, 1998) serta menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci (Creswell, 2009).

2.2 Kaedah Pengumpulan Data

Sehubungan dengan itu, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah temu bual separa struktur (*semi-structured interview*). Justifikasi pemilihan kaedah temu bual adalah kerana data atau maklumat yang diperoleh lebih mendalam dan kualitatif (Kamarul Azmi Jasmi, 2012) kerana membolehkan sampel kajian berkongsi pandangan, pengalaman (Creswell, 1994; Patton, 1990) dan perasaan mereka (Strauss & Corbin, 1998) dengan lebih bebas (Creswell, 1994; Patton, 1990; Strauss & Corbin, 1998).

2.3 Instrumen Kajian

Protokol temu bual adalah instrumen kajian bagi temu bual separa struktur. Bagi pembentukan protokol temu bual, terdapat tiga bahagian utama di dalamnya, iaitu Bahagian A yang merujuk kepada demografi peserta kajian. Bahagian B pula merujuk kepada soalan spesifik yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian dan selanjutnya Bahagian C merupakan soalan penutup. Justifikasi pembentukan tiga bahagian ini adalah untuk memastikan kelancaran proses temu bual dijalankan. Struktur ini membolehkan setiap aspek kajian dikupas dengan lebih mendalam dan tersusun, memandangkan peserta kajian terdiri daripada latar belakang serta pengalaman kerja yang berbeza-beza.

2.4 Pensampelan Kajian

Berkaitan dengan saiz peserta kajian dalam kajian kualitatif, Merriam (2009) berpendapat tiada ketetapan yang khusus. Oleh kerana kajian kualitatif memfokuskan kepada fenomena kajian berbanding menggeneralisasikan bilangan peserta, saiz peserta tidak memberi kesan besar kepada kualiti data, sebaliknya kemampuan peserta menjawab soalan secara terperinci adalah lebih penting (Creswell, 2002). Justeru, temu bual secara umumnya tidak memerlukan saiz besar dan memadai dengan jumlah yang kecil (Creswell & Clark, 2018; Patton, 2002). Kebiasaannya, saiz sampel adalah bergantung kepada sejauhmana titik ketepuan dapat dicapai, iaitu apabila tiada lagi maklumat baru yang diperoleh (Othman Lebar, 2017; Merriam & Tisdell, 2016; Trotter, 2012).

2.5 Kaedah Penganalisisan Data

Penganalisisan data dilaksanakan setelah sesi temu bual bersama 4 orang peserta kajian selesai. Dalam konteks kajian ini, perisian Atlas.ti digunakan bagi membentuk kod, kategori dan tema menerusi analisis *constant comparative*. Analisis *constant comparative* digunakan oleh pengkaji untuk mengenalpasti konsep daripada data dengan mengekod dan menganalisisnya secara serentak (Taylor & Bogdan, 1998). Analisis *constant comparative* adalah salah satu cara menjalankan analisis induktif terhadap data kualitatif (Glaser & Strauss, 1967; Lincoln & Guba, 1985). Analisis *constant comparative* dalam menganalisis data kualitatif menggabungkan pengekodan kategori secara induktif dengan perbandingan serentak terhadap semua unit makna yang diperoleh (Glaser & Strauss, 1967). Walau bagaimanapun, Bradley, Curry dan Devers (2007) menyebut analisis data kualitatif boleh menggabungkan kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif, iaitu dengan membangunkan kod secara asas (induktif) serta menggunakan rangka kerja sedia ada sebagai panduan (deduktif). Rentetan itu, penulis melaksanakan analisis data kualitatif dengan bersandarkan kepada dua pendekatan secara induktif mahupun deduktif. Terdapat kod awal ditentukan berdasarkan rangka kerja sedia ada (atau tema dalam konteks kajian) yang sudah dapat digambarkan secara kasar sebagai panduan. Jika ada kod baru, kod ini menjadikan data kualitatif bertambah (induktif).

2.6 Demografi Peserta Kajian

Pada fasa analisis keperluan, pemilihan peserta kajian adalah dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Penulis memilih empat orang pensyarah daripada universiti yang berbeza.

Jadual 1 Senarai peserta kajian fasa analisis keperluan

Peserta kajian	Universiti	Tempoh perkhidmatan	Tempoh pengalaman mengajar Jawi	Tahap akademik tertinggi
P01	USAS	24 tahun	9-10 tahun	Sarjana
P02	UPSI	12 tahun	12 tahun	Doktor Falsafah
P03	IPG	18 tahun	14 tahun	Doktor Falsafah
P04	UM	20 tahun	20 tahun	Doktor Falsafah

Jadual 1 menterjemahkan latar belakang peserta kajian yang melibatkan para pensyarah di peringkat institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Keempat-empat peserta ini mempunyai pengalaman mengajar Jawi dalam tempoh lebih 5 tahun. P01 merupakan seorang pensyarah di USAS telah berkhidmat di USAS selama 24 tahun dan mempunyai mengajar Jawi selama 11 tahun. Manakala P02, seorang pensyarah UPSI telah berkhidmat di UPSI dan berpengalaman mengajar Jawi selama 12 tahun diikuti P03 yang merupakan pensyarah IPG yang sudah 18 tahun berkhidmat di IPG, bahkan mempunyai pengalaman mengajar Jawi di IPG selama 14 tahun. Akhir sekali, P04 merupakan seorang pensyarah di UM yang telah berkhidmat dan berpengalaman mengajar Jawi mengajar selama 20 tahun. Kesemua dapatan demografi peserta ini diperoleh menerusi sesi temu bual yang dijalankan. Pemilihan peserta kajian daripada universiti berbeza adalah sepertimana pada Jadual 1.

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Dapatan Temu Bual Individu Separa Struktur

Sesi temu bual secara individu dijalankan bagi menjawab tiga persoalan bagi mencapai objektif kajian, iaitu; i) Apakah perspektif pensyarah tentang gambaran semasa Pendidikan Jawi untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia? ii) Apakah perspektif pensyarah terhadap keperluan panduan pengajaran Jawi yang sistematik?

3.1.1 Dapatan Gambaran Semasa Pendidikan Jawi untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia

a) Kedudukan Jawi dalam arus Pendidikan Semasa

i. Jawi kini dianggap sebagai tulisan semata-mata

Dapatan kajian menunjukkan berlakunya keterbatasan fungsi Jawi dalam sistem pendidikan semasa. Jawi kini lebih dianggap sebagai satu sistem tulisan semata-mata. **P01** menjelaskan bahawa Jawi yang diajarkan di sekolah adalah Jawi baru dan lebih bersifat sebagai satu tulisan, yang digunakan dalam pelbagai jenis teks, seperti buku cerita, buku teks, iklan dan slogan. Kata-kata yang dinukilkan oleh **P01** adalah seperti berikut:

P01 “Kalan kita merujuk kepada Jawi moden, tulisan. Jawi moden yang dia ajar di sekolah itu memang lebih bersifat tulisan lah. Hanya Jawi diperkenalkan sebagai tulisan. Dan itu boleh hadir dalam pelbagai bentuk teks, sama ada buku, buku cerita, buku teks buku cerita ataupun, iklan, ataupun slogan dan sebagainya...”

(P01(1)-15/1/2025:48)

Sama seperti **P04**, pelarasan sistem ejaan Jawi yang diperkenalkan oleh DBP telah membawa satu bentuk penyeragaman dalam penulisan Jawi. **P04** menyatakan bahawa Jawi yang diajarkan dalam sektor pendidikan adalah berdasarkan sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan, selaras dengan ketetapan KPM. Kenyataan **P04** dapat dipetik seperti berikut:

P04: “Jadi sekarang ini kita menggunakan sistem ejaan Jawi yang disempurnakan. Sebab kita bawah KPM kan jadi kita menggunakan sistem ejaan Jawi DBP yang ada kamu semua tu kan..”

(P04(1)-24/1/2025:34-36)

Pandangan ini bahkan disokong oleh **P02** dan **P04** yang menegaskan bahawa penggunaan istilah Jawi pada masa kini hanyalah pada tulisannya sahaja kerana jika untuk bahasa adalah Bahasa Melayu. Pernyataan **P02** adalah seperti:

P02 “Tapi tulisannya adalah tulisan Jawi itu. Ha, jadi makanya itu selalu disebut tulisan Jawi. Tapi bahasanya adalah Bahasa Melayu. Bahasa Melayu itu tulisan Jawi....”

(P02(1)-16/1/2025:57)

P04 “..Jadi sekarang ini sistem ejaan menggunakan tulisan Jawi dan itu lebih kukuh lah..sebab bahasa kita masih menggunakan Bahasa Melayu tetapi tulisan adalah tulisan Jawi..”

(P04(1)-24/1/2025:34-36)

Hal ini bersangkut-paut dengan hujahan pakar-pakar bahasa masa kini, istilah “Bahasa Jawi” adalah tidak tepat yang seharusnya disebut “tulisan Jawi” kerana bahasa yang digunakan tetap merupakan Bahasa Melayu. Hal ini berdasarkan :

P02 “Tetapi menurut pakar-pakar bahasa sekarang dia selalu menyanggah jangan pakai Bahasa Jawi. Gunakanlah tulisan Jawi, bahasanya adalah Bahasa Melayu ha itu dia. Sekarang itu yang banyak ini kan. Jadi, saya mengikuti seminar-seminar selalu jumpai yang macam tu lah..”

(P02(1)-16/1/2025:59)

Dapatan ini mencerminkan peralihan paradigma terhadap peranan Jawi daripada satu medium epistemologi dalam tamadun Melayu-Islam, kepada sekadar sistem penulisan alternatif yang terpisah daripada nilai keilmuan dan identiti. **P03** turut mengakui bahawa peranan Jawi dalam masyarakat telah mengalami perubahan yang menyebabkan Jawi menjadi unsur yang lebih kecil serta tidak lagi melibatkan aspek kehidupan masyarakat seperti dahulu kala. Seperti pernyataan **P03**:

P03 “...Cuma sekarang ini bila berubah dia Jawi tu jadi unsur yang lebih kecil lagilah kepada tulisan sahaja..dan ia tidak melibatkan tempat lagi...”

(P03(1)-23/1/2025:68)

Perkembangan ini mencerminkan bagaimana kedudukan Jawi telah berubah yang dahulunya merangkumi nama tempat di Kepulauan Melayu kepada satu bentuk tulisan yang hanya digunakan dalam konteks tertentu.

ii. Jawi tidak ditawarkan secara meluas di peringkat IPT

Selanjutnya, penawaran kursus Jawi di IPT yang terhad turut mencerminkan kedudukan Jawi telah terpinggir daripada kerangka pendidikan arus perdana. Penulis mendapati bahawa kesemua peserta kajian bersepakat, kursus Jawi tidak ditawarkan secara meluas di peringkat IPT. Perkara ini jelas dinyatakan oleh **P01** bahawa hanya segelintir institusi sahaja yang menyediakan kursus ini, bahkan kebiasaannya bersifat elektif dan ditawarkan satu semester sahaja. Kenyataan ini jelas disebut seperti:

P01 “Berdasarkan tinjauan saya, di beberapa universiti termasuk di universiti tempat saya bertugas ternyata bahawa Pendidikan Jawi masih lagi jauh perjalanannya kerana, sebenarnya tidak banyak institusi di pengajian tinggi yang menawarkan subjek Jawi, kalau ada pun untuk bidang pengkehususan tertentu dan bersifat elektif atau bersifat pilihan dan mungkin hanya satu semester sahaja...”

(P01(1)-15/1/2025:20)

Dapatan ini bahkan diakui oleh **P02** dan **P04** yang menyatakan seperti berikut:

P02 “Kemudian di perguruan tinggi, tidak semua mengajar Jawi. Jadi itu jadi cabaran lah. Jawi misalnya ada, tapi di UKM itu, di bawah Pusat Kebudayaan. Di UM, ada di bawah Akademi Pengajian Melayu, UPM ada di sejarah juga ada diajarkan kesenian...”

(P02(1)-16/1/2025: 39-41)

P04 “...setahu saya Jawi memang ada dipelajari di sebahagian, sebahagian daripada IPT lah. Contohnya seperti IPG dia memang ada belajar tentang Jawi terutamanya bagi kursus Pendidikan Islam dan juga Pengajian Bahasa Melayu...”

(P04(2)-21/3/2025:02)

Senario ini menunjukkan bahawa penawaran subjek Jawi di IPT adalah terhad kepada bidang tertentu dan tidak ditawarkan secara menyeluruh kepada semua pelajar. Rentetan daripada itu,

model dan modul dibangun hanya untuk di peringkat sekolah seperti sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Justeru, MPJ-IP’TM membantu dalam memenuhi keperluan alternatif pengajaran dan pembelajaran Jawi di peringkat IPT. Pernyataan ini jelas disebut oleh **P02**:

P02 “*Itu sebab banyak juga model-model, banyak modul-modul yang sudah di ajarkan di sekolah-sekolah tapi levelnya, level sekolah menengah, sekolah rendah. Untuk level perguruan tinggi itu belum banyak lagi. Itulah. Tapi harapan kita kalau boleh membangun satu model yang boleh dipakai perguruan tinggi dan mungkin akan di ajarkan di perguruan tinggi. Itu boleh jadi...*”

(P02(1)-16/1/2025:41)

P03 menegaskan bahawa walaupun kesedaran tentang kepentingan Jawi masih wujud dalam kalangan masyarakat, usaha pelaksanaannya masih kurang memberangsangkan dan tidak mendapat dukungan dasar yang jelas. Kekangan ini menjadikan pengajaran Jawi sebagai satu inisiatif yang bergantung sepenuhnya kepada individu atau program khusus, bukan satu keperluan kebangsaan.

P03 “*Banyak orang, yang ramai di kalangan orang kita, rasa perlu ada Jawi. Tapi dari segi dari segi pelaksanaannya tak memperlibatkan keadaan seperti itu. Kan? Hanya sekadar banyak, sekadar omongan je lah. Cakap cakap je. Tapi tidak melaksanakan. Bila kita melaksanakan pun, tidak ada sesuatu sokongan yang boleh memberikan kita apa, ruang untuk lebih kepada yang.. Kepada yang itu kan? Maksudnya terserah masing masing. Contoh kalau kursus. Macam tadilah. Ia bukan suatu keperluan yang utama dia bergantung pada individu yang ada dalam bidang yang tu..*”

(P03(1)-23/1/2025:102)

Seperti di institusi **P03**, kursus tersebut lebih bersifat elektif dan bergantung kepada minat individu, bukannya suatu keperluan dalam sistem pendidikan. Hal ini dinyatakan oleh P03 seperti berikut:

P03 “*Yang saya nampak sebahagian besarnya memang dah yang masuk kursus saya lah elektif, elektif dia sebenarnya pelajar memilih, bukan pelajar itu dimajibkan..*”

(P03(1)-23/1/2025: 16)

b) Objektif semasa pengajaran Jawi di peringkat IPT

i. Penekanan kepada kemahiran literasi Jawi

Selain daripada itu, Jawi kini dianggap sekadar tulisan dan tidak ditawarkan secara meluas di IPT sebagai gambaran ‘*kedudukan Jawi dalam arus pendidikan semasa*’, penulis mendapati bahawa ‘*objektif semasa pengajaran Jawi di IPT*’ adalah menjurus kepada penekanan kepada kemahiran literasi Jawi dan juga keupayaan memahami isi kandungan teks. Menerusi dapatan temu bual bersama keempat-empat peserta kajian, rata-rata mendapati tahap penguasaan kemahiran Jawi dalam kalangan pelajar wajar diberi perhatian yang lebih mendalam. Menurut **P01**, terdapat kumpulan pelajar yang mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran Jawi dan dikategorikan sebagai “buta Jawi” mahupun “rabun Jawi”. Oleh kerana itu **P01** menyebut bahawa antara objektif semasa bagi pengajaran Jawi di IPT adalah:

P01 “*...untuk menjadikan mahasiswa celik Jawi kerana rata-rata generasi hari ini kalau tidak, ada yang buta Jawi, ada yang rabun Jawi, kalau tidak buta Jawi pun rabun Jawi...*”

(P01(1)-15/1/2025: 20)

Dapatan ini bahkan disokong oleh **P02** dan **P04** yang menegaskan bahawa pengajaran Jawi di IPT adalah untuk memastikan pelajar yang mengambil kursus ini memperoleh kemahiran asas dalam membaca dan menulis Jawi dengan baik. Kenyataan ini disebut seperti berikut:

P02 “...Semuanya itu perlukan ke arab bagaimana supaya seorang mahasiswa yang ambil bidang ini mahir membaca dan menulis dulu...”

(P02(1)-16/1/2025: 67)

P04 “...menulis dan membaca Jawi...”

(P04(1)-24/1/2025: 85)

Lebih-lebih lagi, individu sebagai guru pelatih perlu ada kemahiran dan pengetahuan Jawi sebelum berperanan sebagai “pengajar” di sekolah. Hal ini dapat dilihat pada petikan:

P04 “Jadi untuk mengajar Jawi itu mereka perlu ada kemahiran dan pengetahuan kan..”

(P04(1)-24/1/2025: 79)

Sementara itu, **P03** menceritakan bahawa antara usaha yang dilakukan adalah untuk memastikan pelajar dapat membaca teks Jawi dan kemudian menterjemahkan kefahaman mereka menggunakan bahasa dan struktur ayat Bahasa Melayu moden. Pernyataan ini jelas ditegaskan oleh **P03** seperti berikut:

P03 “Jadi kalau yang teks Jawi kursus ini teks Jawi dalam naskhab-naskhab itu kita terus direct kepada naskah tu lah sendiri untuk membacanya...”

(P03(1)-23/1/2025:47)

P03 “Untuk baca dan kemudian untuk menjelaskan balik. Maksud berdasar kepada teks yang lama tadi. Sebab bahasanya lain. Satu lagi, dari segi susunan bahasanya pun lain...”

(P03(1)-23/1/2025:104)

ii. Penekanan kepada kefahaman isi kandungan teks

Selain daripada kemahiran literasi Jawi, penulis juga mendapati bahawa penekanan kepada isi kandungan teks antara objektif semasa pengajaran Jawi di peringkat IPT. **P02** menekankan bahawa penguasaan Jawi bukan sahaja pada kemahiran dalam membaca dan menulis Jawi sahaja, tetapi juga memahami isi kandungan teks secara keseluruhan terutama manuskrip Melayu lama. Secara tegas **P02** menyebut dalam petikan seperti:

P02 “Mahir dia dalam membaca manuskrip mahir juga dalam tulisannya dan boleh faham..”

(P02(1)-16/1/2025:67)

Hal ini selari dengan pandangan **P03** bahawa kefahaman terhadap teks Jawi merupakan aspek yang wajar diberi keutamaan dalam pengajaran. Kenyataan ini dapat dilihat menerusi petikan:

P03 “..Saya lebih nak melihat, nak menekankan..kalau boleh biar faham. Biar faham teks..”

(P03(1)-23/1/2025:104)

Kefahaman terhadap konteks dan konten pada teks Jawi adalah kemahiran penting untuk melahirkan pengkaji-pengkaji Jawi terutama Jawi tradisi. **P01** berkongsi bahawa di institusi beliau, subjek Jawi ditawarkan kepada pelajar dalam bidang Pengajian Islam dengan objektif melahirkan pengkaji yang berkemahiran dalam bidang Jawi. Hal ini menunjukkan keupayaan memahami teks

bukan sahaja bersifat teknikal tetapi juga berperanan dalam membentuk keupayaan analitikal pelajar dalam kajian keilmuan yang bersumberkan tulisan Jawi. Dapatan ini dapat disebut sebagaimana pada petika **P01**:

P01 “Sebab kalau di USAS itu, subjek Jawi itu ditawarkan kepada pelajar Pengajian Islam dan jadi objektifnya juga, supaya kita dapat melahirkan pengkaji-pengkaji dalam Jawi ini ataupun setidaknya, tulisan Jawi itu yang pertama lah (Jawi klasik)...”

(P01(1)-15/1/2025:20)

Meskipun begitu, kefahaman pada isi kandungan teks juga bergantung kepada penguasaan asas Jawi seperti mana kaedah mengeja, merumikan teks serta memahami bentuk dan struktur huruf Jawi. Oleh kerana itu, asas-asas kemahiran Jawi perlu dikuasai dalam memahami kandungan teks Jawi seperti mana diungkapkan oleh **P04** dengan petikan:

P04 “Dia macam ini sebenarnya dalam content itu kita perlu belajar tentang content Jawi macam mana, berapa huruf Jawi, bagaimana nak menulis Jawi, macam mana bentuk huruf Jawi tu, macam mana nak mengeja, nak merumikan..”

(P04(1)-24/1/202:81)

c) Isi kandungan semasa pengajaran Jawi di peringkat IPT

i. Sejarah perkembangan Jawi

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa ‘*isi kandungan semasa pengajaran Jawi di IPT*’ antara aspek yang dibincangkan bersama peserta kajian. Justeru, sejarah perkembangan Jawi adalah antara topik terpenting dalam pengajaran semasa Jawi di peringkat IPT. Kedua-dua **P01** dan **P02** menekankan bahawa pelajar perlu mengetahui sejarah perkembangan Jawi sebagai sebahagian daripada kandungan kursus, seperti petikan:

P01 “Haa, kalau yang ada subjek Jawi, sudah tentu ada sejarah atau perkembangan Jawi itu disentuh ya...”

(P01(2)-14/3/2025:09)

P02 “...Jawi ini dia harus tahu sejarahnya itu subjek itu 2 kredit, sejarah tulisan Jawi..”

(P02(1)-16/1/2025:67)

Seiring dengan itu, **P03** menyatakan bahawa pengajaran Jawi merangkumi pengenalan kepada asal-usul tulisan Jawi serta bagaimana istilah “Jawi” itu muncul. Penyataan ini berdasarkan petikan seperti:

P03 “Pertama dari segi pengenalan dan kemudian bagaimana nama Jawi tu wujud..”

(P03(1)-23/1/2025:102)

Dapatan ini turut disokong oleh **P04** yang menyebut aspek sejarah perkembangan Jawi bukan sahaja meliputi kedatangan Jawi ke Kepulauan Melayu tetapi juga merangkumi perkembangan “sistem Jawi” itu sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran sejarah Jawi tidak sekadar fokus kepada aspek kronologi sejarah, tetapi juga penumpuan kepada kefahaman evolusi sistem Jawi. Secara jelas kenyataan ini dapat dilihat seperti berikut:

P04 “..Sejarah Jawi, kedatangan Jawi, semua tu kemudian sistem Jawi itu sendiri sebab sistem tulisan Jawi itu dia kena duduk dan belajar melaksanakan benda tu..”

(P04(1)-24/1/2025:105)

ii. Penguasaan Jawi dalam Pelbagai Bentuk Kemahiran

Selain aspek sejarah, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengajaran Jawi di IPT masa kini menekankan aspek penguasaan Jawi dalam pelbagai bentuk kemahiran. **P02** menyatakan kemahiran Jawi antara pemfokusan utama dalam pengajaran Jawi. Bahkan, di institusi adanya kuliah kemahiran Jawi seperti mana disebut oleh **P02**:

P02 “...namanya kemahiran Jawi iaitu kemahiran Jawi ini seluruh yang ambil Bahasa Melayu baik, dia orang Iban, baik dia orang Kadazan Dusun baik orang Cina, baik orang dia India, yang penting kalau dia masuk ambil Bahasa Melayu, maka ada satu mata kuliah yang dia wajib lulus...”

(P02(1)-16/1/2025:67-70)

Kemahiran Jawi merujuk kepada kemahiran membaca, menulis dan memahami teks Jawi serta konteks kandungannya. Seperti disebut oleh **P03**, kandungan pengajaran Jawi bukan hanya tertumpu kepada pembacaan, tetapi juga melibatkan kemahiran menulis dan menterjemahkan teks Jawi kepada Rumi. **P03** mengakuinya dalam petikan seperti berikut:

P03 “Maknanya, bagi teks. Untuk pertama, baca. Kedua, untuk menterjemahkan. Ataupun, menulis kembali dalam tulisan Rumi. Dan saya minta kalau boleh memberi kefahaman. Yang maknanya, pelajar itu sendiri untuk membaca dan memahami dan kemudian keluarkan berdasarkan, apa ni? Bahasa semasa. Bahasa Melayu semasa..”

(P03(1)-23/1/2025:102)

P04 turut menzahirkan bahawa institusi sudah menyentuh silibus kemahiran Jawi. Menurut **P04**, Jawi adalah kemahiran yang perlu diajar dan dipelajari secara amali yang bukan sekadar pendedahan pengetahuan teori Jawi. Dapatan ini dapat dilihat dengan kenyataan:

P04 “Kalau kita baca dalam silibus tu, dia adalah kemahiran Jawi kan. Dia kemahiran menulis Jawi kan dia bukan dia bukan pengetahuan Jawi. Dia memerlukan skill...”


(P04(1)-24/1/2025:120)

Akhir sekali, **P01** menyebut bahawa pengajaran Jawi di IPT perlu merangkumi kedua-dua bentuk Jawi iaitu Jawi tradisi dan juga Jawi baru. Hal ini agar pengajaran Jawi tidak hanya tertumpu pada satu sistem Jawi sahaja, sebaliknya memberi pendedahan yang menyeluruh kepada pelajar supaya mereka dapat memahami serta menggunakan kedua-dua bentuk Jawi. Hal ini disebut oleh **P01**:

P01 “...Kemudian dari segi kandungannya saya memajukan kedua-dua bentuk, maksudnya Jawi lama seperti yang digunakan dalam kitab-kitab Jawi, hikayat-hikayat bertulisan Jawi lama, dan juga Jawi moden. Jadi kita perkenalkan belaka, maksudnya Jawi moden itu ada huruf “va”/ “ڤ” yang tidak adanya apa ni huruf, huruf apa ni yang kita sebut huruf “v” ya dalam Rumi. Kita perkenalkan walaupun tidak ada dalam Jawi lama. Maksudnya kita nak pelajar, teks yang kita pilih itu merangkumi kedua-dua jenis Jawi...”

(P01(1)-15/1/2025: 22)

Kesimpulannya, dapatan kajian telah memperlihatkan pandangan peserta kajian tentang gambaran semasa Pendidikan Jawi, bagi melihat sejauh mana Pendidikan Jawi dalam arus pendidikan semasa terutama di peringkat IPT. Gambaran semasa ini merangkumi tiga aspek utama iaitu 'kedudukan Jawi dalam arus pendidikan semasa', 'objektif semasa pengajaran Jawi di IPT' dan 'isi kandungan semasa pengajaran Jawi di IPT'. Rajah 1 merupakan ringkasan perbincangan dapatan seperti:



Rajah 1 Apakah perspektif pensyarah terhadap gambaran semasa Pendidikan Jawi untuk IPT

3.1.2 Dapatan Cadangan Keperluan Panduan Pengajaran Jawi Sebagai Alternatif

a) Cadangan Keperluan Panduan Pengajaran Jawi Yang Sistematik

i. Pendidikan Jawi Perlu Diteruskan sehingga ke peringkat IPT

Para peserta kajian berpandangan bahawa Jawi wajar diteruskan pengajarannya sehingga ke peringkat IPT bagi memastikan kelestariannya. **P01** menegaskan bahawa Pendidikan Jawi kini semakin terpinggir, sedangkan Jawi telah menjadi satu keperluan mendesak. Beliau menekankan bahawa tanpa kemahiran Jawi, pelajar IPT tidak akan dapat menjalankan penyelidikan terhadap teks-teks Jawi dengan berkesan. Perbincangan ini dapat dilihat pada petikan:

P01 “...Saya rasa memang dah sampai masanya. Dan memang menjadi satu keperluan yang mendesak sebenarnya pada masa kini. Sebab, kita tahu Jawi ini kian terpinggir...”

(P01(1)- 15/1/2025:120)

P01 “...Tetapi peringkat universiti, pada bemah saya sewajarnya, kerana pelajar mereka pada tahap mereka mampu dan sepatutnya mampulah untuk membuat kajian. Kalau mereka tak ada alat, mereka tak ada peralatan untuk membuat kajian, mereka takkan mampu membuat kajian teks Jawi...”

(P01(1)- 15/1/2025:70)

P02 pula menyuarakan kebimbangan bahawa ketiadaan Pendidikan Jawi di IPT akan menyebabkan kepupusan warisan ini. Kebimbangan **P02** dapat dilihat pada petikan:

P02 “...Jawi kita pula mau dibilangkan di universiti nanti semakin pupus kita nanti. So, jadi tetap harus kita, yang memang peminat, pengkaji untuk harus tetap berusaha. Kalau boleh kita contohi negara yang memang gigih bersungguh-sungguh untuk terus ya mengetahui bangsa-bangsa lain, itu untungnya...”

(P02(1)-16/1/2025:124)

P02 “...Jadi tetap kita terus perkenalkan di perguruan tinggi. Ya kalau tidak semua dua-dua universiti IPTA dan IPTS kita ta apa mungkin, salah satu tonggak yang kita boleh harapkan lah...”

(P02(1)-16/1/2025:124)

P03 menambah bahawa walaupun latar akademiknya bukan dalam bidang pendidikan, beliau melihat keperluan untuk model baharu yang mampu menyelesaikan isu dalam pembelajaran Jawi di IPT.

P03 “..Kalau saya pun, background saya bukan pendidikan. Cuma sekarang ni untuk yang seterusnya tu lah. Bagaimana kita nak gunakan? Jadi dengan cara..apa? Kalau ada model baru, dan boleh menyelesaikan isu-isu yang sedang berlaku. Lebih baiklah..”

(P03(1)-23/1/2025:219)

P03 “Begitu juga, penekanan di peringkat sekolah juga penting dan pendedahan ini berlaku sehingga ada kesinambungan sebelum ke universiti...”

(P03(1)-23/1/2025:224)

Sementara itu, **P04** menekankan kepentingan kesinambungan pendidikan Jawi dari sekolah ke universiti untuk memastikan kelestariannya. Walau bagaimanapun, **P04** turut mencadangkan supaya badan-badan lain seperti kementerian dan muzium memainkan peranan dalam memelihara Jawi. Kenyataan ini diperoleh berdasarkan petikan seperti:

P04 “Dia perlu diteruskan, memang kena teruskan untuk menjamin kelestarian Jawi itu sendiri kan?...ia nak diteruskan di IPT tu...”

(P04(1)-24/1/2025:151)

P04 “Tapi pada saya, kalau misalnya kita nak memperkasakan Jawi ini bukan setakat di kementerian pendidikan terutama di IPT, tapi badan-badan seperti Kementerian kebudayaan, yang menjaga warisan macam muzium-muzium. Dia kena ada macam satu platform yang terbuka untuk orang lain belajar Jawi tu contohnya macam muzium Pahang, dia sangat aktif menjemput orang-orang luar supaya mengetahui, mengenali dan menggunakan Jawi itu sendiri kan jadi benda macam itulah sebenarnya kita nak sokongan...”

(P04(1)-24/1/2025:36)

ii. Cadangan Model Pengajaran Jawi Sebagai Panduan Alternatif Untuk Pensyarah

Selain memastikan kesinambungan Pendidikan Jawi di IPT, para peserta kajian turut menekankan keperluan untuk membangunkan satu model pengajaran Jawi yang sistematik. **P01** menegaskan bahawa ramai dalam kalangan generasi muda kini tidak lagi celik Jawi, malah generasi yang lebih tua pun semakin tidak berminat untuk membaca teks Jawi tradisi. Beliau berpandangan bahawa inisiatif untuk memperkenalkan model pengajaran baru bukan sahaja wajar tetapi wajib bagi memastikan Jawi tidak pupus. Kenyataan ini adalah seperti berikut:

P01 “...Jadi segelintir ustaẓ yang masih mengajar kita Jawi ini, khalayak ataupun jemaah yang hadir tu, sekarang ni banyak edisi Rumi. Jadi jemaah ni yang hadir tu mereka dah tak celik Jawi, Jawi klasik ini, jadi mereka beli yang versi Rumi yang dah di Rumi, contohnya Kitab Munyatul Musolli, dia akan beli yang Rumi. Jadi bayangkan itu gambaran generasi sekarang, generasi 40, 30, 40 ke atas yang ada di masjid tu maknanya kan 30, 40 ke atas, dah rabun Jawi ataupun buta Jawi klasik. Bayangkan generasi sekarang dengan yang muda yang sekarang ini, tentu lagi parah. Maknanya kalau kita tak mulakan usaha ini, kita tak boleh bayangkan nanti Jawi ini hanya tinggal dalam muzium dalam arkib dalam perpustakaan. Jadi pada hemat saya, ini satu tindakan satu usaha yang bukan kata wajar malah wajib sebenarnya..”

(P01(1)- 15/1/2025:120)

P02 pula berpandangan bahawa model pengajaran baru perlu diperkenalkan supaya ia boleh dijadikan rujukan utama dalam pengajaran Jawi di IPT. Beliau menyebut bahawa walaupun terdapat pelbagai kaedah dan buku sedia ada, kebanyakannya hanya tertumpu kepada pengenalan huruf tanpa pendekatan yang lebih komprehensif. Oleh itu, beliau mengesyorkan kombinasi antara kaedah lama dan baru dalam menghasilkan model yang lebih efektif. Hal ini dapat dilihat pada petikan seperti:

P02 “Siapa lagi ini kita kalau bukan generasi kita seterusnya ya ini untuk melibat bangsa lain beria-ria untuk memasukkan ini, bahkan dipaksa ke negara lain untuk memasukkan kaedah dan pengajarannya. Kenapa kita tidak juga paksakan untuk bangsa kita sendiri..”

(P02(1)-16/1/2025:124)

P02 “Jadi kita perlu perkenalkan kaedah atau model tersebut, sehingga yang ini menjadi rujukan. Sudah banyak buku-buku sudah banyak ya buku-buku misalnya dengan cara al-Ujud tadi, yang saya sebut tadi kemudian ada untuk mengajarkan di awal kanak-kanak sudah banyak model-model, yang diajarkan tapi sebatas memperkenalkan huruf-huruf..”

(P02(1)-16/1/2025:67)

P02 “Jadi sebetulnya, kalau nak betul-betul combine-kan boleh je dengan kaedah baru. Jadi, Sofwah boleh jadikan itu sebagai bahan, jadi itu nanti pengajaran baru. Jadi itulah, boleh dikatakan jadikan temuan baru nanti..”

(P02(1)-16/1/2025: 31)

Walau bagaimanapun, model pengajaran yang dibangunkan hendaklah mudah difahami oleh tenaga pengajaran dan pelajar seperti mana disebut oleh **P03**:

P03 “Perkara yang penting, sebagai tenaga pengajar untuk melibatkan, untuk mengajar lah. Ada cara yang terbaik, yang mudah untuk diikuti, dan mudah difahami oleh.. oleh pelajar itu sendiri kan? Baguslah kalau boleh buat..”


(P03(1)-23/1/2025:221)

Oleh kerana itu, **P04** berpendapat pembangunan model ini hendaklah sejajar dengan keperluan pengguna supaya sesuai dengan tujuan perkembangan ilmu dan kemudahan dalam mengakses model tersebut. Pernyataan ini adalah berdasarkan:

P04 *“Keperluannya dan kesejajarannya dengan audiens yang akan menggunakan model tersebut ya. Kepentingan kepada perkembangan ilmu itu sendiri dan kemudahan untuk kita mengakses ataupun untuk kita menggunakan model tersebut aa dengan mudah baa ya. Kalau misalan benda tu canggih macammana pun tapi agak tidak mesra kepada pelanggan contohnya, dia akan terabai begitu juga..”*

(P04(2)-21/3/2025:24)

Kesimpulannya, dapatan kajian telah menyingkap pandangan peserta kajian tentang kepentingan pembangunan MPJ-IPTM, yang dilihat berpotensi untuk dijadikan panduan kepada pensyarah dalam proses pengajaran Jawi. Rajah 3 meringkaskan dapatan seperit:



Rajah 3 Apakah perspektif pensyarah terhadap keperluan panduan alternatif pengajaran Jawi

4.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan yang telah dikenalpasti, dapat disimpulkan bahawa gambaran semasa Pendidikan Jawi untuk IPT Malaysia merangkumi *‘kedudukan Jawi dalam arus pendidikan semasa’*, *‘objektif semasa pengajaran Jawi di peringkat IPT’* dan *‘isi kandungan semasa pengajaran Jawi di peringkat IPT’*. Berhubung dengan tema *‘kedudukan Jawi dalam arus pendidikan semasa’*, rata-rata peserta kajian mengakui bahawa Jawi kini dikurung dalam takrif sempit sebagai tulisan semata-mata. P04 menyebut bahawa pandangan ini sejajar dengan pendirian sarjana bahasa masa kini yang menegaskan bahawa bahasa adalah merujuk kepada Bahasa Melayu dan Jawi adalah pada tulisannya. Hal ini juga selari dengan pendekatan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menumpukan usaha ke arah pelarasan ejaan semata-mata (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022). Dewan Bahasa dan Pustaka (2020) telah mengambil inisiatif baru untuk mengkaji dan meneliti semula sistem ejaan Jawi sehingga terbina *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu* pada 2020, sebagai rujukan utama Jawi masa kini. Usaha penyelerasan ini telah memberikan panduan yang jelas dan seragam kepada sektor pendidikan dan penerbitan, untuk urusan pembelajaran dan penggunaan Jawi. Namun, kesan daripada pelarasan ini, Jawi semakin dilihat sebagai tulisan semata-mata (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022). Sedangkan, konsep Jawi sebagai tulisan sahaja tidak mampu menyelesaikan masalah, melainkan dari aspek peralihan aksara Rumi kepada Jawi itu. Bahkan, kefahaman Jawi sebagai tulisan sahaja tidak memadai untuk membantu dalam pembacaan manuskrip-manuskrip Jawi ini. Justeru itu, adalah perlu untuk kembali kepada falsafah dan konsep bahasa Jawi yang asal dapat membaca manuskrip dan peroleh ilmu daripada

manuskrip Jawi (Dr H, temu bual personal, 21 Jun 2024; Prof Z, Temu bual personal, 25 Jun 2024). Hal ini menjelaskan keperluan kepada anjakan paradigma terhadap pendekatan pendidikan Jawi di IPT daripada hanya melihatnya sebagai bentuk tulisan kepada bahasa yang mewakili peradaban dan epistemologi.

Seterusnya, semua peserta kajian bersepakat bahawa 'Jawi kini tidak ditawarkan secara meluas di peringkat IPT'. Penawaran kursus Jawi dilaporkan tidak meluas dan hanya melibatkan sebahagian IPT sahaja. Malah, kursus ini kebiasaannya bersifat elektif dan ditawarkan satu semester sahaja. Dapatan ini diperkukuhkan menerusi kajian Makmur Haji Harun et al. (2012), serta disahkan melalui semakan penulis terhadap maklumat yang diperoleh daripada laman sesawang rasmi pada setiap IPT. Keterbatasan penawaran kursus ini disebabkan oleh Jawi bukan lagi kursus atau topik yang diminati serta perlu dikuasai oleh generasi muda (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah, 2009; Nor Sahara Mesman et al., 2022). Walau bagaimanapun, kemerosotan minat terhadap pembelajaran Jawi (Mohd Hatta Mohamed Ali et al., 2021) turut dikaitkan dengan penggunaan medium yang tidak diadaptasi dengan inovasi pengajaran semasa dan kurang berkesan (Mohd Khairulnizam Ramlie et al., 2023).

Berdasarkan tema '*objektif pengajaran Jawi sedia ada di peringkat IPT*' pula, dapat disimpulkan bahawa pengajaran Jawi masa kini masih berlegar dalam kerangka penguasaan kemahiran literasi seperti mana dipersetujui oleh kesemua peserta kajian. Usaha pemantapan literasi Jawi di peringkat IPT bukanlah sesuatu yang baharu. Maktab Perguruan Islam (MPI) dan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan (BPIKP) telah mengambil inisiatif pemaparan kemahiran Jawi dalam kalangan guru-guru, terutamanya dalam aspek sistem ejaan dan penulisan buku-buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan Jawi (Hashim Musa, 2005). Selain daripada kemahiran literasi Jawi, keupayaan pelajar dalam memahami isi kandungan teks juga diakui sebagai sebahagian objektif pengajaran Jawi semasa dan ini diakui oleh keempat-empat peserta kajian. Hal ini secara tidak langsung berkait rapat dengan tema '*isi kandungan semasa pengajaran Jawi di IPT*'. Keempat-empat peserta kajian sependapat bahawa isi kandungan sedia ada adalah merangkumi sejarah perkembangan Jawi dan penguasaan Jawi dalam pelbagai bentuk kemahiran sama ada kemahiran menulis, membaca mahupun menterjemahkan teks Jawi. Rentetan daripada itu, penetapan objektif pengajaran Jawi yang terlalu tertumpu kepada literasi teknikal telah mengehadkan faham Jawi yang sebenar sebagai suatu bahasa (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022). Jawi juga tidak sekadar sebagai bahasa persuratan Melayu-Islam, malah berperanan sebagai wahana epistemologi yang mencerminkan peradaban, bahasa ilmu dan kearifan tempatan Melayu-Islam (Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., 2019; Mashitah Sulaiman et al., 2021; Siti Nurul Izza Hashim et al., 2021). Bahkan, Jawi ada nilai maknanya secara dasar (Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias, 2022; Salina Ahmad, 2019; Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1972, 1978) dan juga bahasa yang berperanan sebagai medium pembudayaan ilmu bangsa Melayu-Islam (Norziati Mohd Rosman, 2024; Wan Mohd Nor, 2018). Selain itu juga, pendekatan hanya pada teknikal mencerminkan keterbatasan dalam menyantuni potensi epistemologi Jawi yang sepatutnya merangkumi dimensi pemikiran, budaya dan peradaban ilmu Melayu-Islam. Justeru, literasi semata-mata tidak cukup dalam membentuk kefahaman holistik Jawi sebagai bahasa ilmu, instrumen pemikiran dan simbolik tamadun keilmuan bangsa Melayu-Islam. Hal ini termasuk memperkenalkan pendekatan interdisiplin, pemaknaan teks dan integrasi Jawi dalam pelbagai disiplin ilmu untuk mengangkatnya sebagai komponen penting dalam agenda pemeraksanaan tradisi keilmuan dan intelektualiti Melayu-Islam.

Justeru itu, dapatan kajian secara jelas menunjukkan bahawa kesemua peserta menyokong cadangan keperluan panduan alternatif pengajaran Jawi dalam usaha sistematik untuk menjamin kelangsungan Jawi dalam kalangan generasi terpelajar. Perspektif tenaga pengajar menyuarakan

keimbangan bahawa tanpa model pengajaran yang tersusun, pendidikan Jawi akan terus terpinggir dan akhirnya menjadi warisan yang hanya tinggal di arkib dan muzium. Kritikan P01 tentang keperluan mendesak pengajaran Jawi di universiti telah membuka ruang untuk membahaskan betapa pentingnya penguasaan Jawi dalam memahami teks-teks primer warisan Melayu-Islam. Dalam konteks ini, seperti yang dinukilkan oleh Zainal Abidin dalam Hafizah Iszahanid (2023) bahawa semua manuskrip adalah naskhah yang berusia puluhan atau ratusan tahun dan memerlukan kemahiran yang khusus untuk memahami maksud sebenar setiap patah kata. Sekiranya manuskrip itu dibaca dan dikaji dengan standard yang ada sekarang, kemungkinan tidak membawa makna yang tepat dan berlaku salah faham dalam memahami manuskrip tersebut. Alasan sedemikian menunjukkan kemahiran, latihan dan kefahaman pengkaji itu memainkan peranan dalam penyelidikan teks-teks Jawi.

Selain itu, cadangan peserta P02, P03 dan P04 agar model ini bersifat mesra pengguna, mudah diakses, serta relevan dengan perkembangan semasa, mencerminkan keperluan untuk membina model pendidikan yang bukan sahaja berfungsi sebagai panduan akademik, tetapi juga sebagai alat transformasi epistemologi. Tambahan pula, transformasi digital yang rancak berlaku di IPT (Kopp et al., 2019; Leszczyński et al., 2018; Muzaffar Syah Mallow, 2020) telah membentuk generasi pelajar yang lebih cenderung kepada pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi dan inovasi (Maimun Aqsha Lubis et al., 2016; Siti Fatimah Osman et al., 2020). Dalam konteks ini, teknologi digital, platform multimedia, dan aplikasi interaktif seharusnya dimanfaatkan sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi (Azrulhizam Shapii et al., 2020; Norizan Mat Diah & Nor Azan Mat Zin, 2016; Zaharah Mohid et al., 2018). Peranan pensyarah sebagai pemudah cara turut menjadi elemen penting, seperti dinyatakan oleh Zuraidah Abdullah et al. (2019) yang menegaskan keperluan pensyarah memiliki kemahiran tinggi, kecekapan profesional dan penguasaan teknologi dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan. Melor Amran dan Mohd Zairey Yahya (2020) turut menyokong bahawa pemerksaan kemahiran teknologi dalam kalangan pensyarah akan membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk meneroka maklumat, memperkayakan pengetahuan, serta meningkatkan kefahaman terhadap warisan ilmu melalui medium kontemporari.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini menyerlahkan potensi besar pendidikan Jawi untuk terus berkembang di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) melalui pendekatan yang lebih segar, menyeluruh dan bersifat masa hadapan. Meskipun penawaran kursus Jawi di IPT masih terhad, dapatan menunjukkan wujudnya kesedaran tinggi dalam kalangan pensyarah terhadap kepentingan memartabatkan Jawi sebagai instrumen ilmu, pemikiran dan jati diri bangsa.

Peranan Jawi yang selama ini tertumpu pada aspek teknikal kini dilihat berpotensi untuk diperluas melalui integrasi nilai epistemologi Islam, pengukuhan literasi kandungan, dan pemahaman teks warisan. Ternyata, ruang untuk memperkasa Jawi di IPT sangat terbuka, menanti usaha yang lebih terancang dan kolaboratif. Sehubungan itu, satu panduan alternatif yang dicadangkan melalui kajian ini menjadi satu inisiatif proaktif ke arah pembaharuan pedagogi Jawi di peringkat tinggi. Panduan ini bukan sahaja menawarkan kerangka panduan alternatif yang bersifat sistematik dan berorientasikan pelajar dewasa, malah berupaya menyesuaikan pengajaran Jawi dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Dengan sokongan teknologi digital dan komitmen tenaga pengajar, pendidikan Jawi di IPT diyakini mampu memainkan peranan penting dalam memperkukuh akar budaya, memperluas akses kepada khazanah ilmu, dan membina generasi celik Jawi yang progresif serta berwibawa.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia atas peluang penerbitan artikel ini. Penghargaan juga ditujukan kepada barisan penyelia atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada barisan peserta kajian atas sumbangan idea dan pandangan yang bernilai. Artikel ini juga merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dilaksanakan di bawah geran penyelidikan UMG021L-2024.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan kertas ini.

Rujukan

- Abdul Ghafar Don, & Badlihsiam Mohd. Nasir. (2012). Cabaran dakwah di Malaysia. *Al-Hikmah*, 4, 15–22.
- Abdul Kadir Muhammad. (1996). *Sejarah penulisan hukum Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hakim Md Mansor. (2021). *Pembelajaran berasaskan aplikasi mudah alih “Kelas Anak Jawi”*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi, & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2012). Comparison of the Jawi writing system and vocabulary inscribed on the Terengganu stone and legal manuscripts of Melaka and Kedah. In *Batu Bersurat of Terengganu : Its Correct Date, Religio-Cultural, and Scientific Dimensions*. 63–80. Department of National Heritage.
- Ahmad Nabil Amir. (2022). Masuknya Islam ke Nusantara: Pandangan Hamka dalam sejarah umat Islam. *AL-BASIRAH*, 12(1), 39–47.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Pub. L. No. Akta 32 (1983).
- Aminuddin Saimon, & Nur Hidayah Takmad. (2023). Persepsi mahasiswa kulliyah bahasa dan pengurusan, UIAM terhadap tulisan Jawi. *LSP International Journal*, 10(1), 103–122. <https://doi.org/10.11113/lspi.v10.19673>
- Asyraf Ridwan Ali, & Berhanuddin Abdullah. (2015). Falsafah pendidikan Jawi dalam memperkasakan Tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 574–85.
- Azam Hamzah. (1997). *Islam di rantau Alam Melayu*. Fontarz Enterprise.
- Azrulhizam Shapii, Mahayuddin Zainal Rasyid, & Sabarina Othman. (2020). Jom Jawi: Improving Jawi language proficiency among primary school students using interactive media. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 212–230. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Azman Che Mat, Siti Athirah Mohd Anwar, & Awang Azarudin. (2021). Penguasaan Suku Kata Tertutup (SKT) tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun tiga. *Borneo Akademika*, 5(2), 33–46. <https://doi.org/10.24191/ba/v5i2/82260>
- Bradley, E. H., Curry, L.A., & Devers, K. J. (2007). Qualitative data analysis for health services research: Developing taxonomy, themes and theory. *Health Services research*, 42, 1758-1772. <https://doi.org/10.1111/j.1475-6773.2006.00684.x>
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill.

- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative & quantitative approaches*. Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2002). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches*. (2nd ed.). Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2018). *Designing and conducting mixed methods research* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, & Niswa @ Noralina Abdullah. (2009). Penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4(1), 145–156.
- Farhah Zaidar, & Shaharuddin Pangilun. (2017). Teori kedatangan Islam di Alam Melayu. *3rd International Conference On Islamiyyat Studies (IRSYAD2017)*, 147–150.
- Farhanah Abdullah, Asyraf Hj Ab Rahman, Abdul Manan Ali, Firdaus Khairi Abdul Kadir, & Fadzli Adam. (2020). Jawi script and the Malay society: Historical background and development. *International Journal of Management (IJM)*, 11(7), 68–78. DOI: <https://doi.org/10.34218/IJM.11.7.2020.008>
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, & Niswa @ Noralina Abdullah. (2009). Penguasaan tulisan Jawi di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan. *Journal of Al-Tamaddun*, 4(1), 145–156. DOI: <https://doi.org/10.22452/jat.vol4no1.9>
- Hafizah Iszahanid. (2023, May 22). Kurang usaha perkasa Jawiancam kajian teks lama. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2023/05/1104395/kurang-usaha-perkasa-jawi-ancam-kajian-teks-lama>
- Glaser, B. G., & Strauss, A. L. (1967). The discovery of grounded theory: Strategies for qualitative research. Aldine De Gruyter.
- Hamdan Abdul Rahman. (2003). *Imbasan sejarah pemeraksanaan dan peminggiran tulisan Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (1977). *Sejarah Umat Islam*. Pustaka Antara.
- Hasanulddin bin Mohd, & Zurita Mohd Yusoff. (2022). Kajian manuskrip sastera kitab di Universiti Sultan Zainal Abidin antara realiti dan cabaran. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 217–228.
- Hashim Musa. (2003). *Epigrafi Melayu : Sejarah sistem tulisan dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2005). Peranan Tulisan Jawi dalam Perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 86–115. http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24027/Article_5.PDF
- Hashim Musa, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2009). Pemeraksanaan kembali Tulisan Jawi. *Jurnal ASWARA*, 4(1), 159–196.
- Hassan, A. (Ed.). (2007). *Kongres bahasa dan persuratan Melayu I – VI (1952 – 2002)*. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Hj. Muhammad, A. K. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*. DBP.
- Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*. Fajar Bakti.
- Ismail Abd Rahman. (2009). *Manuskrip Kesusasteraan Tradisional Melayu Sekitar Tahun 1600 M: Telaah Sistem*

Tulisan Jawi Dan Analisis Pemikiran Melayu Nusantara. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/> Diakses pada 20 September 2025
- Jasni Sulong. (2010). Asimilasi hukum Islam dalam amalan perniagaan Melayu : Kajian Ke Atas Beberapa Manuskrip Melayu Lama. *Jurnal Pengajian Melayu*, 21(1), 73–95.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1–15.
- Kamaruzaman, A. R. (2020). *Students' performance in al-quran and sunah subject and it relationship with students' achievement in writing jawi*. Universiti Islam Antarabangsa.
- Kang Kyoung Seok. (1986). *Perkembangan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Universiti Malaya.
- Kang Kyoung Seok, & Muhammad Syukri Rosli. (2015). *Pengantar Ilmu Jawi*. Klasika Media.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Surat Pekeliling Iktisad Bil. 13/2004: Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah*.
- Khairul Azhar. (2019). Peranan ulama dalam penyebaran ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka (The role of Muslim scholars in spreading the teaching of Islam in Pulau Besar, Melaka). *Journal of Al-Tamaddun*, 14(2), 65–74. DOI: <https://doi.org/10.22452/jat.vol14no2.6>
- Khairul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Kopp, M., Gröblinger, O., & Adams, S. (2019). Five common assumptions that prevent digital transformation at higher education institutions. *INTED2019 Proceedings*, 1(March), 1448–1457. <https://doi.org/10.21125/inted.2019.0445>
- Lester, S. (1999). *An introduction to phenomenological research*. Stan Lester Deevlopment. <http://www.sld.demon.co.uk/resmethy.pdf>
- Leszczyński, P., Charuta, A., Łaziuk, B., Galązkowski, R., Wejnarski, A., Roszak, M., & Kolodziejczak, B. (2018). Multimedia and interactivity in distance learning of resuscitation guidelines: a randomised controlled trial. *Interactive Learning Environments*, 26(2), 151–162. <https://doi.org/10.1080/10494820.2017.1337035>
- Maimun Aqsha Lubis, Sabariah Sharif, & Mohd Sham Kamis. (2016). Peranan guru pendidikan Islam dalam inovasi pengajaran: Cabaran pasca moden. In M. F. Mohd Shahrhan & N. H. Saari (Eds.), *Guru cemerlang pendidikan Islam persediaan dan cabaran*. 137–158. Penerbitan Ikim.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1995). Sejarah perkembangan Pemikiran Islam dalam konteks Alam Melayu: Iktibar untuk abad akan datang. *Jurnal Usuluddin*, 1(6), 65–81. <http://mjs.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/2911/1076>
- Mahayudin Hj Yahaya. (2017a). *Teorikedatangan Islam dan penyebaran Mazhab Shafi'i*. UNISSA Press
- Mahayudin Hj Yahaya. (2017b). *Teori kedatangan Islam dan penyebaran Mazhab Shafi'i serta perlaksanaan sistem Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam: Masalah dan Cabaran*. UNISSA Press.
- Makmur Haji Harun, Muhammad Bukhari Lubi, & Mohamad Ramadhan Habibi. (2012). Kaedah pengajaran seni Khat dan Jawi di universiti: Sistem pengajaran Khat Nasakh dalam unit kajian Jawi dan Khat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua, Dalam "Mencari Identiti Khat Melayu,"* 1–13. DOI: <https://doi.org/https://doi.org/10.13140/RG.2.1.2306.7603>

- Malaysia, K. P. (2016). *Buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. <https://anyflip.com/dvqip/ubtg/basic> Diakses pada 20 September 2025
- Malaysia, U. S. (2025). *Pusat pengajian ilmu kemanusiaan (School of humanities kod bidang)*. <https://humanities.usm.my/> Diakses pada 23 Disember 2025
- Malaysiakini. (2006, April 28). *Utusan Melayu diterbit semula mulai 1 Mei*.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Suhailiza Md Hamdani, & Muhammad Khairi Mahyuddin. (2021). Manuskrip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan: Isu dan prospek masa depan. *E-Proceedings Of The International Conference On Da'wah And Islamic Management*, c, 37.
- Melor Amran, & Mohd Zairey Yahya (2020). Faktor dan persepsi yang mempengaruhi penggunaan teknologi dalam pendidikan di kalangan pensyarah kolej komuniti. *International Journal of Technology Management and Information System*. 2(1), 72-80. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijtmis/article/view/8507>
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications*. Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (2nd ed.). Jossey-Bass, A Wiley Imprint.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey Bass.
- Mohd Aizam Mas'od, & Mohd Shairawi Mohd Noor. (2023). Teori kedatangan golongan Alawiyin di Nusantara: Suatu analisis awal. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 2(2), 60–84.
- Mohd Alwee Yusoff. (2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21, 23–38.
- Mohd Hasan Abdullah, N., Siraj, S., Hussin, Z., & Alias, N. (2010). Isu kritikal penggunaan Tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar. *Jurnal Pendidikan*, 30, 63–84.
- Mohd Khairulnizam Ramlie, Ashraf Abdul Rahaman, Ahmad Khairul Azizi Ahmad, & Muhammad Abdullah. (2023). Inovasi kaedah pembelajaran: Perkembangan penggunaan teknologi dalam institusi Pendidikan. *Ideology Journal*, 8(1), 94-103. DOI: <https://doi.org/10.24191/ideology.v8i1.407>
- Mohd Sukki Othman, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2012). Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya. *KEMANUSLAAN*, 19(1), 1–16.
- Mohd Zawawi Zainal Abidin, & Norahida Mohamed. (2024). Tulisan Jawi di Negeri Pahang: cabaran dan harapan. *Jurnal Al-Haady*, 5(1), 10–17.
- Muhammad Syukri Rosli. (2017). *Petuturan Melayu: Kitab Nabu Jawi Abdu'llah bin Abdu'r-Rahman*. Akademi Jawi Malaysia.
- Muhammad Syukri Rosli, & Ahnaf Wafi Alias. (2022). *Tradisi Keilmuan Bahasa Jawi*. Akademi Jawi Malaysia .
- Muzaffar Syah Mallow. (2020, June 29). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908>
- Nadia Fatriyana Ahmad Narzaray, & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2024). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Satu penilaian Sejarah. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(1), 212-223. DOI: <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.18>
- Naquiah Nahar, Jimaain Safar, Ahmad Kilani Mohamed, Aminudin Hehsan, Badlihisam Mohd. Nasir, Juhazren Junaidi. (2018). Perkembangan Tulisan Jawi dalam konteks pendidikan di Negeri Johor, *Jurnal Penyelidikan Pusat Islam Iskandar Johor*, 1 (Edisi Khas), 16-29.

- Naquiah Nahar, & Jimain Safar. (2016). Amalan pengajaran Jawi dalam pendidikan masa kini : Suatu tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2(2), 70–85.
- Nazimah Mohamad @ Mohd. Noor. (2014). *Penggunaan modul pembelajaran Kemahiran Jawi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Yaacob, N. R. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat. *Pendidik dan Pendidikan*, 22, 161–172.
- Noraishah A. Rahman & Mohd Isa Hamzah, 2021. (2021). Konsep Intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi murid pra sekolah. *International Conference On Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021)-Online Conference*, 334–345. <https://conference.uis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1029.pdf>
- Norizan Mat Diah, & Nor Azan Mat Zin. (2016). Enjin aktiviti menyuruh belajar menulis aksara Jawi. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 5(1), 61–69.
- Norziati Mohd Rosman. (2024). *Rengkuhan Jawi: Sejarah perusahaan Kitab Abad ke-19*. Akademi Jawi Malaysia.
- Nurul Faizatun Aini Norizal. (2023). *The Use Of Interactive Books As New Media For Learning Jawi Among Dyslexic Children* (Issue August). Universiti Teknologi Mara.
- Othman Lebar. (2017). Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metode (2nd ed.). Universiti Pendidikan Sultan Idris Press.
- Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah*. (2015). Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative evaluation and research methods* (3rd ed.). Sage Publications, Inc.
- Qutoshi, S. B. (2018). Phenomenology: A Philosophy and Method of Inquiry. *Journal of Education and Educational Development*, 5(1), 215. DOI: <https://doi.org/10.22555/joed.v5i1.2154>
- Rahimin Affandi, Awang Azman Awang Pawi, Ahmad Farid Abd Jalal, & Mohd Puaad Abdul Malik. (2019). Kitab Jawi Sebagai karya kearifan tempatan Melayu : Analisis sejarah intelektual. *Al-Banjari : Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 18(1), 49. DOI: <https://doi.org/10.18592/al-banjari.v18i1.2528>
- Raihanah Azahari. (2004). Kaedah menyelesaikan pertikaian keluarga dalam masyarakat Melayu: Zaman pra dan pasca kolonial. *Jurnal Syariah*, 12(1), 125–150. <http://myais.fsktm.um.edu.my/7653/>
- Rasyidah Ibrahim, Rahimah Embong, Firdaus Khairi Abdul Kadir, & Huda Afiqah Hashim. (2019). Pemerkaasan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 29-37. <http://www.bitarajournal.com>
- Sariah Abd Jalil. (2015). *DSKP KSSR Pendidikan Islam Tahun tabun 1*, 53(9). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sariah Abd Jalil. (2016). *DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Fatimah Osman, Wan Hassan Wan Embong, & Muhammad Talhah Ajmain @Jima'ain. (2020). Islamic education teacher's critical thinking practice and its challenges in enhancing 21 st century learning skills. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(5), 974–980. <https://doi.org/10.37200/IJPR/V24I5/PR201770>
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. (2022). Pendekatan Sejarah lokal dan kepentingannya dalam pensejarahan Malaysia. *Akademika*, 92(3), 199–209. DOI: <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-15>
- Sabri Ahmad, M., Baharudin, H., & Solehah Mohd Zubir, N. (2021). Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) di Sekolah Rendah Daerah Selangau, Sarawak (Implementation of Kem Cemerlang Jawi (KCJ)

- for Primary Schools in Selangau District, Sarawak). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 144–153.
<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Salina Ahmad. (2019). Al-Attas on language and thought: Its relation to worldview, change and translation. *IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 12(2), 83–97.
- Saimi Bujang, Abdul Razak Abdul Kadir, Noranizah Yusuf, Fatimah Hamrie, & Wan Ariffin Wan Yon. (2022). Sejarah dan perkembangan pentadbiran Islam pada era pemerintahan Brooke di Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53-70. DOI: <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.5>
- Shahrir Mohamad Zain. (2018). *Pengenalan Sejarah & Falsafah Sains*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Shafida Sharifuddin. (2019). *Basic Jawi learning and writing using augmented reality application for primary school standard one students syllabus*. Universiti Teknologi MARA.
- Siti Faizah Said. (2019). Hubungan pendekatan kolaboratif terhadap pencapaian program Pendidikan Islam sekolah rendah di semenanjung Malaysia. In *Universiti Putra Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail, & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. (2019). Inovasi kesepaduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran di Era Revolusi Industri 4.0. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* , 3(2), 38–54.
- Siti Nurul Izza Hashim, Roziyah Sidik @ Mat Sidek, & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2021). Tulisan Jawi pelopor keilmuan di alam Melayu: Satu kajian awal. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 32(2), 19–34. DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3578>
- Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. ABIM.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1978). *Islam and secularism*. ABIM.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1998). *Introduction to qualitative research methods: A guidebook and resource* (3rd ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman pengajaran guru novis pendidikan Islam: Implikasi terhadap reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru (Islamic education novice teachers' teaching experiences: Implications towards teacher training curriculum design). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(01), 59–66. DOI: <https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.01-08>
- Tesch, R. (1990). *Qualitative research: Analysis types and software*. Routledge. DOI: <https://doi.org/https://doi.org/10.4324/9781315067339>
- Trotter, R. T. II. (2012). Qualitative research sample design and sample size: Resolving and unresolved issues and inferential imperatives. *Preventive Medicine: An International Journal Devoted to Practice and Theory*, 55(5), 398-400. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1016/j.yjmed.2012.07.003>
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (2024a). Panduan prasiswazah sesi akademik 2024/2025. In *Herald of the National Academy of Educational Sciences of Ukraine*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. DOI: <https://doi.org/10.37472/v.naes.2025.7115>
- Universiti Kebangsaan Malaysia. (2024b). *Panduan siswazah sesi akademik 2024/2025*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Nor. (2018). *Falsafah dan amalan Pendidikan Islam: Syed M. Naquib al-Attas satu buraian konsep asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yeasmin, S., & Rahman, K. F. (2012). Triangulation research method as the tool of social science research. *BUP Journal*, 1, 154–163.

- Yusoff, M. A. (1994). *Perkataan Arab dalam bahasa Melayu: Satu analisis morfologi dan semantik*. Universiti Malaya.
- Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Fitri Nordin, & Hafiza Abas. (2018). Teknologi Realiti Luasan (AR) dalam pengajaran Jawi Abad 21. *4th International Conference on Information Technology & Society*, 64(7), 978–967.
- Zainul Anuar Jamriy. (2016). *Strategi pengajaran pemuliban Jawi j.Qaf di sekolah rendah Perak*. Fakulti Sains Kemanusiaan.
- Zulcaffle, T. M. A. (2007). *Development of an automated technique for reconstructing Jawi characters in historical documents*. Universiti Putra Malaysia.
- Zulkiflee Haron. (2011). *Tamadun Islam & Tamadun Asia* (Z. Haron, R. Awang, M. N. Ripin, S. N. Mohamad, & F. Mohd Yusof (Eds.). Penerbit UTM.
- Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam Shahrom, & Muhammad Faizal A. Ghani. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44-70. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/17354/9969>
- Zurina Abdullah, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran tulisan Jawi sebagai lambang Jati diri Melayu: Satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244–255. DOI: <https://doi.org/https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>